

16 DEC 2002

MCA-Gantung/I

MCA GANTUNG DUA ADUN BABITKAN ISU ANTI-PORR

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Majlis Presiden MCA hari ini sebulat suara menggantung keanggotaan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang membabitkan isu Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR), bagi tempoh masa yang tidak ditentukan.

Keputusan terhadap Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Kramat) itu diumumkan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selepas mesyuarat majlis berkenaan di sini.

Keputusan Majlis Presiden itu adalah berasaskan kepada cadangan jawatankuasa disiplin parti itu, katanya kepada pemberita di sini.

Tan dan Lim mengambil sikap berkecuali daripada mengundi terhadap usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Nov lepas bagi menengguhkan projek PORR bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong bernilai RM400 juta.

Ini menimbulkan kegemparan di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri itu yang berkata bahawa jika trend itu dibiarkan, ia akan menimbulkan masalah besar dalam gabungan pemerintah.

BN membawa kes itu pada mesyuarat majlis tertinggi lewat bulan lepas dan memutuskan supaya MCA diberi mandat untuk mengambil tindakan sesuai terhadap kedua-dua Adun berkenaan.

Majlis presiden MCA kemudiannya mengarahkan jawatankuasa disiplin parti yang diketuai Datuk Kam Woon Wah, menyiasat perkara itu dan mencadangkan bentuk tindakan ke atas kedua-duanya. Mesyuarat hari ini menyokong keputusan jawatankuasa disiplin itu.

"Mereka (Jawatankuasa disiplin MCA) sebulat suara mencadangkan kami menggantung keanggotaan mereka bagi satu masa yang tidak ditetapkan. Ia merupakan keputusan bersama jawatankuasa disiplin dan majlis presiden memutuskan untuk menerima cadangan mereka," kata Dr Ling.

Beliau berkata penggantung itu berkuatkuasa serta merta tanpa tempoh masa yang ditetapkan.

Dr Ling berkata beliau memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN, mengenai perkara itu sebelum Dr Mahathir berlepas ke Jepun hujung minggu lepas.

"Ia merupakan amalan biasa membabitkan isu penting... saya sentiasa mendapatkan pandangan Perdana Menteri kerana sebagai bapa BN dan apabila anda berada di atas, anda mempunyai pandangan yang lebih luas," kata Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan.

Beliau berkata hukuman ke atas kedua-dua Adun itu "serius dan tindakan disiplin yang bersesuaian."

Berdasarkan perlembagaan MCA, Tan dan Lim boleh merayu kepada jawatankuasa pusat parti dalam masa 14 hari jika mereka tidak berpuas hati dengan keputusan majlis presiden, katanya.

Dr Ling berkata MCA akan memaklumkan keputusan itu kepada sekretariat BN secepat mungkin.

Dr Ling berkata MCA juga akan menulis surat kepada kedua-dua Adun berkenaan bagi memaklumkan keputusan terbabit tetapi "mereka akan terus berkhidmat sebagai Adun".

"Mereka adalah Adun yang dipilih oleh rakyat. Mereka masih mempunyai tanggungjawab kepada rakyat yang memilih mereka bagi memberi perkhidmatan yang baik, kata Dr Ling.

Beliau bagaimanapun berkata Tan dan Lim tidak dibenarkan menggunakan jentera parti untuk menjalankan tugas mereka.

Dr Ling bagaimanapun enggan mendedahkan hasil siasatan yang dijalankan oleh jawatankuasa disiplin parti itu.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada Tan dan Lim, beliau berkata: Saya akan fikirkannya. Sekarang ini, tidak ada apa-apa".

Ditanya mengenai pendirian MCA terhadap PORR, Dr Ling berkata:" PORR bukan projek persekutuan, orang seperti saya tidak mempunyai maklumat mengenai PORR. Tetapi ia merupakan lingkaran luar Pulau Pinang...ia bukan jalan lingkaran luar Wilayah (Persekutuan) atau projek jalan lingkaran Johor. Setakat yang membabitkan kita, kita tidak mempunyai maklumat dan kita tidak mahu membuat pendirian mengenai perkara yang kita tidak tahu."

-- BERNAMA

SR MFZ LAT